

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS FORUM
ILMUWAN MALAYSIA MADANI BERSAMA YAB PERDANA
MENTERI**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : TERMINAL BERSEPADU GOMBAK

Date : 30/09/2025

**MAJLIS FORUM ILMUWAN MALAYSIA MADANI BERSAMA
YAB PERDANA MENTERI**

30 SEPTEMBER 2024 (SELASA) | 8.15 MALAM

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM), KUALA LUMPUR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam sejahtera.

Alhamdulillah rabbil alamin.

Nahmadu wa nusalli ala rasulil karim.

Wa ala alihi wa sahabihi ajma'in.

Yang Berhormat Senator Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir,

Menteri Pendidikan Tinggi;

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail,

Menteri Dalam Negeri;

Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara;

Tuan Rumah, saudara YDH Ts. Ahmad Ramdzan,

Institut Integriti Malaysia;

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman bin Embong,

Universiti Kebangsaan Malaysia; dan

Anggota Kanan.

1. Saya lihat malam ni pertama kali nampak tokoh-tokoh besar kerajaan dari segi KSU, KP semua ada. Luar biasa hari ini, lain macam. Saya nak sebut di sini bahawa ini adalah lanjutan daripada siri-siri yang kita adakan hampir setiap bulan, programnya santai dan tujuannya ialah untuk meletakkan budaya ilmu, tradisi akhiah, dan pemikiran kritis.
2. Kita telah menitip banyak tajuk-tajuk; digital, transisi tenaga, soal pertembungan budaya dan ramai peserta terutamanya dari kalangan ilmiah, academician universities, dan dalam siri itu kita tetapkan saya moderator, saya pilih sendiri tak ada orang boleh argued (nada seloroh). Kemudian seorang tokoh selalunya ahli Jemaah Menteri beri pandangan. Kemudian tokoh akademik, tidak selalu yang sekritis Rahman Embong tapi malam ni kita bawa dia. Kemudian seorang dari segi sama ada pegawai penjawat awam ataupun dari segi swasta. Jadi ada tiga-tiga cabang itu berikan pandangan ringkas.
3. Itu memang satu beban besar untuk kawal. Kemudian dalam membuka ruang sepenuhnya untuk perbincangan-perbincangan, soal jawab dan yang agak terbuka. Sekali lagi saya tekankan tugas kita ialah untuk menyemarakkan budaya ini, budaya ilmu, budaya kritis di kalangan kita dan tidak mengandaikan apa yang dilakukan oleh sama ada kerajaan atau penjawat awam ataupun universiti sudah sempurna.
4. Harus buka ruang untuk berfikir semula. Sebut fikir semula, kebetulan buku terbaru saya, baru terbit dia, Hurst London,

'Rethinking Ourselves'. Kebetulan, kebetulan. Bukan nak jual buku itu, tak jadi masalah.

5. Baik, tajuknya itu soal integriti. Saya tahu dalam Kerajaan MADANI ini saya tekankan, saya ingat bukan semestinya idea baru, tetapi belum pernah dalam kerajaan seingat saya penekanan begitu kuat tentang isu tatakelola dan integriti. Kerana bagi saya untuk menjayakan satu negara, satu program, dia mesti bermula dengan tokoh yang ada integriti, yang amanah dan sistem yang dianggap dalam kerangka besarnya lebih bersih dan
6. Ini cabaran besar dan malangnya dalam perbincangan umum, apa yang disebut public narrative, ini sangat kurang. Dalam perbincangan politik umpamanya, dalam perbincangan awam, soal integriti itu tidak diletakkan sebagai suatu keutamaan, dalam urutan keutamaan dalam fiqh awalawiyat itu tentunya tidak menjadi satu hal yang boleh membawa tarikan yang kuat.
7. Ikut pengalaman singkat saya sekarang dalam kerajaan tiga tahun, memang saya rasa memang satu cabaran besar. Terutama nak membetulkan, luruskan kepincangan, ketirisan, kebobrokan nilai, rasuah, itu satu cabaran yang biasanya orang anggap mudah, tetapi untuk mendepaninya sebenarnya lebih sukar daripada biasa.
8. Tapi kalau kita ikut tradisi Islam dari awal, kalau kita baca ayat-ayat awal, Mudasirin, Muzammil, Qum fa anzir Wa rabbaka fakabbir Wa siyaabaka fatahhir. Itu banyak ulamak menafsirkan kebesaran Allah

dan pembersihan itu. Pembersihan bukan sahaja dari sikap aqidah, tapi jiwa dan akhlaq dan nilai.

9. Dalam kita membicarakan soal kemampanan ekonomi sekarang, yang tandusnya nilai. Dalam membicarakan soal geopolitik dan pembenturan idea, yang kurang dibicarakan ialah soal nilai termasuk etika dan moral.
10. Kemudian, saya ingat lagi di perkampungan sunnah di Perlis tahun lalu, atau dua tahun yang lalu. Kalau bicarakan soal Salahuddin Al Ayyubi atau Saladin the Great, orang bicarakan kehebatan dia, ketenteraannya, menakluki Baitulmuqaddis. Tapi dia lupa 10 tahun pertama pentadbiran pemerintahan Salahuddin tu ialah soal kekuatan dalaman, disiplin, soal integriti, soal budaya ilmu yang dikembangkan dan disebarkan di masjid-masjid.
11. Tapi yang diajar kepada kita ialah tentang hal-hal ibadah yang penting, tetapi dia terhenti dekat situ. Mengapa boleh kita munculkan suatu tokoh yang hebat seperti Salahuddin Al Ayyubi, selain daripada para sahabat atau Omar Abdul Aziz ya. Itu kerana keutamaan yang diberikan termasuk apa yang disebut soal budaya ilmu. Maknanya masjid itu jadi semarak semangat dan integriti, bagaimana isu yang kita sebut sebagai good governance. Itu 10 tahun pertama, bayangkan.
12. Kita dengar Salahuddin Al-Ayubi, siapa yang bicara bahawa 10 tahun yang pertama itu Salahuddin Al-Ayubi tidak bicara soal menakluki

Baitulmuqaddis atau perang. Dia berkawan dengan semua negara-negara jirannya itu termasuk negara Kristian, negara Islam, dia tumpu kekuatan. Kemudian dengan asas yang kukuh membina kekuatan itu yang berteraskan kepada integriti sebelum dapat melonjakkan.

13. Demikian mukaddimahnya. Saya persilakan Datuk Ahmad Ramdzan dulu sebagai Presiden Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Negara. Terima kasih Institut Integriti Malaysia, kerana menyiapkan jamuan dan menyiapkan tempat walaupun saya tak diberi jamuan tadi. Okay sila.

ULASAN YAB PERDANA MENTERI – PENGENALAN OLEH PARA PANEL

PANEL 1 – YDH Ts. Ahmad Ramdzan

Saudara YDH Ts. Ahmad Ramdzan ini memang dari PDRM. Jadi sebab itu dia diletakkan di sini supaya disiplin itu diteruskan. Disiplin bukan pukul orang, tegur sahaja.

Baik, Saudara Saifuddin Nasution, saudara kenal, Menteri Dalam Negeri tapi memang seorang pemedato yang agak petah dan very structured. Jadi bila dia diberitahu tentang tajuk ini, pagi-pagi tadi lepas subuh dia dah call saya dah. Dia kata ini buku Ibnu Taymiyyah ini penting dan dia terang melalui telefon, “aku ni nak siap nak pergi pejabat”. Tapi takpelah, sabarlah

kan dia sahabat. Jadi maknanya, saya nak gambarkan he is taking this task very seriously. Maknanya bila ada tugas, sibuk bagaimana dalam disiplin, kita tidak mahu bazir waktu dan manfaatkan dengan menyediakan bahan yang boleh memberikan kesempatan kita berfikir dengan kritis, berbincang dan kalau boleh mengkritik. Inilah kesempatan terbaik boleh kritik Menteri Dalam Negeri, tanpa risiko. Silakan Saifuddin.

PANEL 2 – Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail

Terima kasih Saifuddin. Saya ingat dia substantive agak serius. Tapi saya ingat menukil pandangan Ibnu Taymiyyah itu relevan walaupun sudah tentu Ibnu Taymiyyah itu salah satu tokoh yang sangat kontroversial. Di kalangan masyarakat yang agak tradisional, ulama-ulama umpamanya kalau pondok, tidak segi yang pokok, saya tidak mahu terlibat dengan itu. Tetapi rujukan yang saya rasa saya selesa ialah rujukan Ibnu Taymiyyah ialah dari segi governance.

Kalau saya lihat dalam kupasan-kupasan awal Islam, ini yang dianggap ada defisit sikit. Ada prinsip tapi penafsiran dan perincian tentang isu pemerintahan yang baik, isu salah guna kuasa dan institusi Hizbah. Hizbah ini, Public Accountability atau disebut Ombudsman dalam keadaan sekarang. Walaupun saya fikir Hizbah tu lebih mencakupi. Itu hanya dikupas oleh Ibnu Taymiyyah secara mendalam.

Sebab tu saya lihat kadang-kadang gerakan-gerakan Islam tu dia lebih cenderung menukil pandangan-pandangan Ibnu Taymiyyah, kerana dia

sebagai ulama tradisional yang banyak memberi kupasan tentang isu-isu tatakelola dan pentadbiran dan dia observe ya. Bukan saja soal aqidah, macam kupasan dia tentang Umar ibn Aziz.

Kalau saya faham ya, Umar ibn Aziz tu dia orang yang warak, dia baca Quran tiap malam, dia menangis tatkala solat tahajud. Tapi kalau Ibnu Taymiyyah, dia kata ya betul, tapi kita nak ulas Umar Ibn Aziz sebagai pemerintah. Apa khidmat dia kepada rakyat, pada golongan miskin, bagaimana dia urus khazanah negara, bagaimana dia buat inventory.

Bila dia jadi pemimpin, yang pertama dia buat inventory berapa harta yang ada dalam khazanah negara dan bukan hak dia katanya, dia hanya pegang amanah. Kalau dia kekurangan dana, dia pinjam. Itu kekuatan menurut saya Ibnu Taymiyyah dalam konteks ini, baik.

Sekarang, Saudara Profesor Abdul Rahman Embong yang saudara tahu, beliau lama di UKM. Dia Abdul Rahman Embong ini jadi institusi. Kalau di UKM, terutama di institut, di IKMAS, di IKMAS memang dia institusi. Jadi, kita persila saudara Abdul Rahman.

PENAL 3 – Prof. Emeritus Dato’ Dr. Abdul Rahman bin Embong

Terima kasih, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Abdul Rahman bin Embong. Lama tak dengar kuliah dia ini dan saya rasa dia mula dengan Ibnu KhaLdun sangat relevant. Ini kerana Khaldunian Sociological Approach itu tetap

relevant kerana pembinaan 'esprit de corps', semangat perpaduan asal. Walaupun dia gunakan istilah asabiyah itu, bukan asabiyah yang extreme tapi asabiyah yang membawa semangat kekitaan 'esprit de corps', membangunkan. Dan kalau rakan-rakan yang senior ingat, itu di antara kupasan saya awal 2 tahun setengah yang lalu bahawa sepertimana saudara Abdul Rahman sebut, walaupun dia ulas lebih baik dari orang, ilmiah sikit. Bahawa kalau kita nak lakukan satu real paradigm shift, it means we have to understand the Khaldunian principles iaitu untuk hentikan kemerosotan dan keruntuhan yang berlaku.

Tentunya rakan-rakan saya yang lama marahlah, dia ingat kita agak too critical, but it's a fact. Corruption is systemic. There is a culture of complacency or contentment di kalangan masyarakat. Dan kita lebih permissive dari segi elements of corruption ataupun performance yang agak mediocre. Jadi saya kata kalau nak angkat semula martabat, harakat, darjat Malaysia ini, mesti melakukan satu kejutan, anjakan. Kalau teori Ibnu Khaldun, boleh merosot itu hanya dengan kejutan, baru dia boleh harap bangun semula tamadun.

Tentunya di antara yang mengupas Ibnu Khaldun paling baik di kalangan sarjana Islam adalah Malek Bennabi, yang juga saya cuba perkenalkan kerana Malek Bennabi itu mengasak pandangan reform setelah ada kemerosotan.

Jadi apa yang digagaskan oleh saudara Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman adalah upaya kita baik pimpinan politik, penjawat awam, para sarjana dan masyarakat umumnya yang merupakan elemen sedar untuk akui bahawa potensi kita itu hebat, besar; itu pertama. Keduanya, akui

bahawa memang ada kelemahan dan kelembapan termasuk ciri rasuah yang sistemik, yang menular dalam seluruh sistem pentadbiran pemerintahan dan hanya dengan yang selalu saya popularkan juga, the courage of conviction, keyakinan dan tekad kita membawa perubahan itu, mudah-mudahan kita dapat sampai.

Kalau tidak, bukan perkara baru. Orang yang kaji sejarah ini tahu, given the decline and fall of the Roman empire, isu yang sama. Kalau Arnold J. Toynbee yang dia cerita tentang Cyclical Theory of Civilization, meminjam pandangan Ibnu Khaldun, pasang surut kebudayaan itu bukan hanya kepada kekuatan ekonomi, sebenarnya sistem nilai. Negara macam itu juga, keupayaan kekayaan sama juga, tetapi ada masa segar, bugar, mencapai suatu tahap kejayaan yang sangat memberangsangkan, ada masa dengan kekuatan yang sama boleh roboh dan luntur.

Mudah-mudahan dia memberikan kesedaran kepada kita setelah mendengar ketiga-tiga panelist tadi tentang maksud kita ialah untuk terus sedaya upaya melaksanakan pembaharuan. Jadi kalau ada sila, teguran, kritikan, pandangan, sanggahan.

SOALAN 1 – Dr. Tan Yen Woi, Presiden Association of Certified Accountants Malaysia.

Saya juga merupakan vice president Malaysia Corruption Watch. So, kita NGO untuk memberi kesedaran kepada rakyat ini anti-rasuah. Since 2016 lah NGO kita. So, soalan saya, IIM telah membuatkan polisi-polisi semua training sangat baik. Even yang AIGA yang dijalankan, AIGA (Anugerah

Integriti Governans, dan Anti Rasuah), program itu pun sangat baik. So, tadi ada itu semua dasar-dasar pun sangat baik. Tapi, soalan saya, perlukah kita menambahbaikkan enforcement? Means, kita double up, triple up enforcement dulu in the short term. Polisi ini untuk medium to long term. So untuk settle, reduce corruption, enforcement, perlu menambahbaikkan, tambah manpower, forensic investigation, menambahbaikkan dulu. Kemudian macam kita sakit, makan penadol. Kemudian, kita ambil supplement. Supplement macam polisi. Tapi, kita perlukan Kerajaan untuk men-enforce-kan, menambahkan manpower, resources untuk enforcement, untuk menghentikan corruption secepat mungkin. Itu komen saya. Thank you.

JAWAPAN SOALAN 1

Biar saya respond singkat sajalah. Maknanya, sepertimana kalau saudara tahu belanjawan tahun lalu, every year kita tambah dan kita minta apakah keupayaan forensik ataupun officers ataupun laws. Kerana saya kalau study the Hong Kong Corruption Commission itu dia mula dengan 3 factors. First; clear political direction. Maknanya no tolerance for corruption. Kemudian, professional force yang dilantik yang bebas. Kemudian, keupayaan dan peraturan undang-undang dia yang kuat dan ketiganya, tentulah resources yang cukup. Jadi kita tambah dan tahun ini kalau ada SPRM telah kemukakan beberapa pandangan termasuk Institut Integriti Malaysia dan lain-lain we will take it up.

SOALAN 2 – Dr Afriadi bin Sanusi dari Universiti Muhammadiyah Malaysia

Saya ingin bertanya kepada YAB Perdana Menteri, dari mana kita harus memulai pembanterasannya rasuah — apakah dari hal yang kecil dulu atau yang lebih besar dulu? Terima kasih. Pembanterasannya rasuah, apakah kita mulai dari membasmi rasuah ikan bilis dahulu atau jerung dahulu? Itu yang saya pertanyakan.

JAWAPAN SOALAN 2

Kalau tengok keutamaan yang saya berikan kepada SPRM, jerung dahulu. Tetapi tidak bermakna kita harus biarkan ikan bilis itu merayap sehingga jadi syok sah. Tetapi, seperti mana saudara tahu pengalaman kita, jerung itu lebih mencabar. Dia ada kuat resources, dia bayar social media, dia bayar pimpinan parti politik, dia bayar media, dan dia ada kekuatan. Dan sebab itu, kalau saudara tengok di parlimen, aneh. Debate, tiada orang bangkit. Bahkan ada beberapa Ahli Parlimen Pembangkang yang mempertahankan, ‘apasal berdendam, apasal apa nak bangkitkan, orang tu dah letih dan sebagainya’. Saya kata tidak. Kalau ada bukti, itu terserah pada SPRM siasat. Hakim memutuskan. Bukan urusan saya. Urusan saya, mesti wang yang diambil, yang dipungkah berbilion kekayaan yang tidak sah, mesti dipulangkan kepada rakyat.

Malah saya, maaf, nak lanjutkan daripada situ. Soal saya dipenjarakan, soal saya dipukul, diaibkan, itu saya tidak jadikan isu. Saya kata sudah. Saya boleh maafkan. Tetapi curi daripada negara, billions — it’s a sheer hypocrisy. Even for those so-called proponents talking about anti-corruption drive — a completely silent when it comes, we give evidence that billions have been stolen. How do you explain yourself? You ada RM2 bilion, RM4 bilion. And then, no issue. Dia tidak menimbulkan kemarahan

pada rakyat. Dia tidak jadi debate dalam Parlimen, tidak jadi isu melainkan untuk mempertahankan. Sebab itu, saya ambil keputusan saya teruskan. Walaupun saya tahu tidak mudah.

Selalu saya bayangkan kepada kawan-kawan, YB Datuk Seri Saifuddin Nasution tahu, saya fikir semasa saya Pembangkang, semasa saya muda, saya fikir kalau kita tegas, bersihkan, tidak ambil gaji, tunjuk, kita tolong rakyat, banteras korupsi yang besar, orang semua sokong, tidak. Tidak semua sokong. Kerana kita lupa bahawa dalam centers of power, orang ini walaupun dia tidak lagi dalam power dan punyai kuasa, tetapi pengaruh besar, dananya besar. Takkan dia nak diam. Tetapi walaupun SPRM, Ketua SPRM kadang-kadang jadi controversial, tetapi tidak boleh nafikan dalam sejarah kita belum pernah ada tindakan seberani ini sekarang. Bukan sahaja itu, kalau lihat PDRM, saya puji, keberanian PDRM walaupun tidak dihebahkan. Sindiket-sindiket haram yang puluh tahun berkembang, yang semua kita tahu nama-nama, belum pernah ada tindakan yang berkesan sehingga sekarang.

Kita dalam pemerintahan ini melawan sindiket, melawan penyeludupan, melawan kuasa-kuasa besar. Kerana kita kena bagi mesej yang clear: kalau kita nak ambil tindakan kecil-kecil, kita ambil juga. Ada pegawai ke polis, ambil kecil-kecil kena juga. Tetapi yang besar macam ini dilepaskan — aneh gitu kan? Kalau yang besar.

Dan kalau kita berjaya, saya punya cadangan: kalau dalam dua tiga tahun katalah, kita drive — dan tadi dicadangkan kalau nak perkukuhkan lagi SPRM atau badan-badan penguatkuasaan, saya tidak ada halangan. Saya ingat kalau boleh dalam dua tiga tahun, we clean up the mess. Message

clear: you Menteri ke, you Ketua Setiausaha (KSU) ke, Ketua Pengarah (KP) ke — kalau you nampak salah laku, we'll go after you. Not today, tomorrow, not tomorrow, next year. You pencen-pencen pun, kita dapat bukti you curi semasa you berkuasa, we will go after you. Itu tekad saya. Selamat.

SOALAN KETIGA – Dr. Mardi Hassan, Madani Research Centre.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Nama saya Dr. Mardi Hassan dari Madani Research Center. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Dato' Saifuddin, Prof. Rahman yang telah memberikan hujahan yang baik sekali tentang Ibn Taymiyyah dan Ibn Khaldun. Cuma kita bawa dalam konteks hari ini, kita tidak mempunyai sistem Syura yang boleh melahirkan pemimpin yang berintegriti mengikut acuan syariat, kita mengamalkan sistem demokrasi. Jadi saya ingin beranjak daripada soal governance kepada soal pemilihan kepimpinan itu, iaitu sistem demokrasi kita yang saya rasa soal integritinya itu juga adalah perlu diperhatikan sebab ianya lah akan melahirkan pemimpin-pemimpin yang akan mencorakkan integriti di dalam kerajaan, sama ada di peringkat eksekutif atau legislatif. Saya ingin merujuk terus kepada soal integriti dalam pilihan raya, yang mana proses demokrasi kita ni masih lagi free, fair, tetapi soal clean itu sudah lama jadi persoalan. Oleh sebab itu, antara reform yang saya rasa pihak Kerajaan Madani boleh mulakan dengan serius ialah soal meningkatkan integriti pilihan raya kita, contohnya dari soal pembiayaan politik, political financing yang setakat ini masih belum selesai. Kita dengar baru-baru ini seorang pengarah pilihan raya sebuah parti mengatakan paling kurang 1 juta untuk satu kawasan parlimen secara terbuka. Jadi itu satu normalisasi lah bagi mana-mana parti politik untuk menerima ratusan juta daripada tauke-tauke korporat, dan yang keduanya soal integriti dalam perjalanan pilihan raya kita ada masalah dari segi vote buying,

penguatkuasaan, Akta Kesalahan Pilihan Raya, yang mana kita tahu bahawa remedi dalam election petition itu sukar sekali boleh menjamin ketelusan dan juga integriti dalam pilihan raya. Jadi saya ingin pandangan lah bagaimana soal pemilihan pemimpin, sebab dia cakap tentang integriti dan kepemimpinan nasional, maknanya soal itu perlu ditangani daripada awal soal pemilihan kepemimpinan mengikut proses demokrasi itu perlu diberikan integriti yang kuat di situ insya-Allah.

JAWAPAN SOALAN 3

Pendanaan politik memang sudah diputuskan, cuma kita dok fine tune Menteri Azalina tapi isu yang saya ingat Prof. Rahman lontarkan itu sangat relevan, dia tidak terikat hanya kepada pendanaan etikanya, kelayakannya. Kalau dalam teori Mawardi, Al-Mawardi, dia sebut juga Ahlul Halli wal Aqdi, maksudnya mesti orang yang ada kefahaman. Ini tak ada pencerahan kalau debat, Parlimen itu kadang-kadang melelahkan, substantive issue seperti belanjawan atau undang-undang itu jadikan simpang siur politik kaum dan agama yang sempit, problem dan ini bukan hanya di Malaysia, di barat kita rasa canggung, canggung apa? Dia kemaraan, fahaman yang disebut kanan, beras soal sentimen anti kelompok lain, anti immigration, islamophobic, semitic, semua, jadi pencerahan itu penting. Sebab itu dan Ahlul Halli wal Aqdi di mana dia mula menghadkan kepada golongan yang benar-benar layak terlatih dan ada komitmennya.

Tetapi dalam sistem kita yang demokrasi yang luas ini, maknanya sistem pencerahan maknanya orang yang nak jadi Ahli Parlimen, dia faham tak perlembagaan? dia ikuti tak kursus-kursus tentang peruntukan-peruntukan dan perlembagaan? dia tahu tak bahawa negara ini negara majoriti Islam,

ada beberapa hal-hal yang menjamin kedudukan Melayu dan Islam tapi dia tahu tidak bahawa keutuhan negara ini bermakna penerimaan kehadiran semua kaum sebagai warga? Dan tanggungjawab pemerintahan itu mesti menjaga kepentingan semua, bagaimana boleh kita anggap seorang itu sebagai Perdana Menteri tapi dia tidak harus memikirkan keadilan bagi semua. Tidak mungkin dan ini hanya akan berlaku kalau ada sistem yang adil atau apakah mungkin seorang wakil rakyat itu bicara dengan bijak dan berhemah dalam Parlimen tapi orang yang sama akan mencerca dan menfitnah di luar.

Jadi sebab itu, soal nilai dan etika itu penting saya cuba rangkum ini semua dalam MADANI kerana bagi saya, pemacuan pertumbuhan penting, tetapi tanpa Ehsan, tanpa kefahaman dia tidak akan dapat meletakkan kita sebagai sesuatu yang boleh bangun dengan nilai, budaya dan jati diri yang sendiri. Dan ini satu isu yang besar. Kebetulan tadi saya di pejabat saya beritahu dengan Saifuddin, Saudara Dato' Seri Diraja Dr. Zambry, Menteri dengan Syamsul Amri dan Profesor Usman Bakar bincang hal-hal lain itu begitu, dari segi pengajian. Banyak hal-hal yang harus dirubah. Saya setuju kita teliti, tetapi saya lihat umpamanya kadang-kadang orang-orang yang dalam civil society ini dia very focus, kalau corruption ini 1MDB sahaja, satu tokoh, yang bilion-bilion lain itu tidak perlu bincang. Kalau soal electoral reform, pendanaan politik sahaja.

It's not a solution I mean, it has to be done, but it's only part of a comprehensive package, kalau kita benar-benar serious dalam reform. Bagaimana boleh kita pertahankan contohnya, keutuhan negara untuk jangka panjang kalau anak-anak yang dididik itu tidak ada seperti mana yang disebut Dato' Ramdzan dalam korikulum ini, dia kefahaman, pencerahan tentang apa dia nilai yang boleh dikekalkan dalam negara ini.

Boleh tidak kita hidup dengan mengapi-apikan semuanya isu-isu kaum? semuanya isu the siege mentality bahawa hendak ubah perundangan perbandaran? Boleh berkritik, boleh tegur, boleh bicara tapi tidak semua jadi isu kaum.

Ini Trump datang pun jadi ancaman kepada umat Islam tapi bagaimana negara-negara seperti Malaysia? Bagaimana kita boleh jadi pengurus ASEAN kalau kita halang Presiden Amerika Syarikat dari datang? dan bagaimana boleh kita sampaikan umpamanya yang mereka bicara yang terakhir tentang Gaza, cadangan Trump yang dipersetujui oleh banyak negara-negara Islam, negara Arab dan akhirnya Israel, Netanyahu pun setuju kerangka besar dan kalau kita tak boleh sampaikan.

Tetapi dia jadi isu, anti dan pro ini jadi tajam, saya ingat dia tidak ada pemikiran, kalau awak sebut sikit Antek Amerika ataupun barua Israel itu yang dijadikan dalam lapangan media sosial. Jadi saudara-saudara, kita berdepan dengan lunturnya nilai akhlak lebih hebat dakwahnya lebih luntur nilai dan akhlaknya. Kan bahaya ada kontradiksi yang parah dan ini bukan sekadar di kalangan masyarakat orang politik, orang awam kadang-kadang orang-orang agama, ustaz-ustaz pun dia hentam keromo begitu sahaja.

Sebelum saya minta mereka conclude, bagi saya reform ni bermakna mesti ada semangat untuk memberi pencerahan yang sebenar. Saya tidak percaya mana-mana negara boleh mengangkat dari segi tamadunnya, teknologi mungkin, AI ya, energy transition, digital transformation, dia boleh melakukan tapi dari segi membangun, membina, tamadun itu dia mesti berdasarkan nilai dan ilmu dan ini bagi saya pra-syaratnya.

Pembinaan Madinah, Madinatul Nabi Muhammad SAW itu dengan kiriman dua tahun sebelumnya, sebelum hijaratul Nabi itu, siapa? Mus'ab bin Umair dan Abdullah Ibn Ummi Maktum, kita yang tahu Nabi pergi ke Madinah. "Sallallahu ala Muhammad, Sallallahualaihiwasallam" (selawat atas Nabi), bangun Madinah. Baru ada persiapan, persiapan itu persiapan akidah dan nilai dan persiapan ilmu. Maksudnya orang Madinah itu disediakan kefahamannya begitu rupa.

Jadi Itu cabaran bagi kita. Mudah-mudahan apa yang diselaraskan. Sebenarnya yang tuan rumahnya ini, tapi yang selaraskan itu ialah Dato' Seri Diraja Dr. Zambry, dia yang bantu selaraskan ini dan terima kasih.

PENUTUP

Terima kasih, ia spesifik tentang IIM satu lah, tetapi konsensus umumnya ialah kita dalam melakar perancangan itu memang hebat. We have plan yang dulu-dulu pun, cuma masalahnya ialah execution, pelaksanaannya. Tapi bezanya ialah kita kembangkan.

Tak benar kalau katakan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe13) sebenarnya itu yang baru, tidak, ia lanjutan.

Walaupun saya di Jemaah Menteri saya masih ingat, saya kata dalam konteks negara sekarang dan perubahan dalam post-normal times yang begitu pantas apakah perlu lagi dipertahankan Rancangan Malaysia lima

tahun? itu pun saya minta dibincangkan. Kerana itu kita hanya terperangkap dengan kerangka lama itu.

So, ada, mesti ada satu percanggahan di situ, checkmate. Kalau rasa perlu okay, tapi perlu pun dia dengan pendekatan dan kaedah dalam metodologi yang lain. Kerana perubahan umpamanya AI, you can't wait for it. It can't be in 5 years perancangan, digital or even energy, the pace of change. Probably education, some health measures itu pun dengan komponen AI itu dah jadi satu kejutan.

Tapi hal-hal yang itu sebenarnya memerlukan perbincangan mungkin instituti akademik. Tapi kalau ikut pengalaman saya, it should be broad based discussion. Sebab itu umpamanya akademi sains. Majlis Akademi Sains Negara umpamanya, saya kata jangan lagi terikat pada institusi pendidikan sains tetapi mesti ada sinergi yang cukup segar dengan universiti-universiti.

Jadi memanfaatkan. Institut Integriti pun sama. Sebab universiti ini kalau ikut pandangan saya sejak saya lihat dalam 2-3 tahun yang lalu ini, dia tidak sangat dimanfaatkan sepenuhnya oleh jentera kerajaan ini.

Sekarang, the movement, setiap move seperti mana yang KPT lakukan, satu kerangka pengajian awam, umum yang baru. Itu terus dimanfaatkan tenaga university, selain daripada kepakaran yang ada kerana perimbangan ini penting.

Saya ingat instituti integriti pun begitu, dia tidak boleh terpisah. Semua orang kalau dia cakap terpisah itu bahaya dia, terpisah itu dia bagi pandangan ini susah nak ada sinergi dengan jentera kerajaan. Kerajaan itu ada terikat dengan beberapa keutamaan. Ini seperti mana, setengah badan itu bebas sepenuhnya, tapi langsung dia tidak faham tentang dasar negara.

Ini beberapa keputusan, saya bagi contoh ini sensitif sikit, tapi apa-apa pun yang kita sebut tentang kebebasan badan rasuah, kehakiman, kementerian, institut dia mesti ada kefahaman tentang makro ini. Seperti mana kita pergi ke kementerian lah semua minta wang tapi dia tak faham bahawa negara ini ada kekangan dia, pendapatan sekian, perbelanjaan pun dia sekian.

Kalau kita ikut tuntutan tiap universiti, tiap sekolah, tiap kementerian, takde negara yang boleh urus. Tapi dia akan membantu kalau semua KSU umpamanya, KP dia faham juga tentang kerangka besar ekonomi makro. Kemudian dia hujah untuk pertahankan kepentingan masing-masing. Tapi kalau dia langsung blank tentang kedudukan ekonomi makro, itu jadi kesulitan yang kita hadapi sekarang begitu.

Dia akan membantu meletakkan prioriti kita. Sebab tu kalau bagi saya, prioriti nombor satunya selain pertumbuhan ekonomi ialah membasmi kemiskinan dan teori ekonominya kemiskinan lah. Tapi kalau kita ada upaya kita, kita mula dengan kemiskinan tegar. Then kita move up the ladder, seperti mana kita lakukan sekarang.

Tapi kalau tahun pertama, tahun kedua, 2023, 2024, kemiskinan tegar hampir selesai, then kita move up the ladder sedikit melalui Tunai Rahmah, SARA dan sebagainya

Sekali lagi lah saya ucap terima kasih kepada Zambry yang bantu menyelaraskan. Zambry ini dia ada the core supporter, bila saya sebut dia aje ada orang tepuk. Dia memang sama ada dipaksa atau diupah (nada seloroh). Dato' Ramdhan dan seluruh pasukan yang membantu menyelaraskan program ni.

Dan seperti biasa kita janjikan kita mulai tepat jam 8 dan kita cuba selesai sekitar jam 9.30, kita cuba. Itu pasal esok ada Jemaah Menteri, jadi baru dipesan kita ada 40 paper, saya pun tak tahu apa paper. Ni KSU-KSU, masih banyak sangat paper, kurangkan sikit ataupun rumuskan 2-3 paper sekali.

Terima kasih lah Ramdhan dan saya harap bulan depan kita ada, mungkin bulan depan kita tangguh sebab bulan depan itu akhir bulan ASEAN. Seperti saudara-saudara tahu kalau rencananya Trump; Modi; Li Qiang, China, Lula, Brazil; Ramaphosa, South Africa; Canada; Italy; EU; Japan; Korea jadi there is a big event di Malaysia dan pegawai-pegawai kerajaan, semua kementerian itu terlibat dan mungkin kita tangguh ke awal atau pertengahan November. Boleh ya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-forum-ilmuwan-malaysia-madani-bersama-yab-perdana-menteri/>